



Saintis UPM Hasil Produk Atasi Penyakit Alzheimer dan Kardiovaskular



Prof. Dr. Maznah Ismail bersama penyelidik bersama, Norsharina Ismail menunjukkan produk TQRF.

SERDANG, 28 Januari – Sekumpulan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya menghasilkan produk Fraksi Kaya Thymoquinon atau Thymoquinone Rich Fraction (TQRF) yang bertindak sebagai ejen membantu rawatan penyakit Alzheimer dan berkaitan kardiovaskular.

Ketua penyelidik Prof. Dr. Maznah Ismail berkata produk itu dihasilkan daripada biji habatussauda atau nama saintifiknya *nigella sativa* yang mempunyai khasiat kesihatan bahan Thymoquinone (TQ) yang mengandungi antioksidan yang tinggi.

“Penyelidikan ini turut memberi manfaat kepada masyarakat bagi mengurangkan penyakit kardiovaskular yang kini merupakan salah satu penyebab utama kematian seluruh dunia.

“Alzheimer pula merupakan penyakit berkaitan daya ingatan, manakala penyakit kardiovaskular berkaitan dengan tahap kesihatan jantung, darah tinggi dan tahap kolesterol dalam darah,” katanya pada sidang media Produk Baru UPM anjuran Pusat Pengurusan Penyelidikan Universiti dan Bahagian Komunikasi Korporat di sini.

Beliau berkata penyelidikan TQRF yang dijalankan sejak tahun 2005 sehingga 2008 itu berfungsi mengawal kolesterol dengan merencat sintesis kolesterol dalam badan.

“TQRF diekstrak daripada biji habatussauda dengan menggunakan sistem Supercritical Fluid Extraction (SFE) yang efisien serta penggunaan teknologi yang bersih,” katanya yang turut dibantu oleh penyelidik Ghanya Al-Naqeeb dan Norsharina Ismail dari Institut Biosains.



Prof. Dr. Maznah Ismail sedang menyampaikan taklimat penyelidikan TQRF kepada pihak media.

Prof. Dr. Maznah yang juga Ketua Laboratori Bioubatan Molekul, Institut Biosains, UPM berkata biji habatussauda dari Yaman, Iran dan Sudan dipilih kerana mempunyai kualiti yang tinggi serta menghasilkan minyak TQ sehingga 40 peratus lebih tinggi berbanding daripada biji India dan Sri Lanka.

Katanya produk lain yang terdapat di pasaran pada masa kini disediakan melalui proses pengekstrakan yang tidak berupaya memerangkap TQ.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dato' Dr. Abu Bakar Salleh berkata penemuan produk baru tersebut telah menarik minat beberapa syarikat farmaseutikal untuk membeli produk dan teknologi berkenaan.

"Penyelidikan ini masih dalam proses perbincangan dan masih dalam peringkat pra-komersial serta perlu menjalani ujian klinikal ke atas manusia sebelum dikomersilkan sepenuhnya," katanya.

Produk yang difailkan paten pada tahun 2008 telah menerima pengiktirafan di peringkat antarabangsa iaitu pingat emas dalam International Exhibition of Ideas Inventions New Products (IENA) 2009 di Nuremberg, Jerman, dua pingat perak dalam Malaysian Technology Expo (MTE) 2008 dan 2009 serta tiga pingat di peringkat UPM.



Prof. Dr. Maznah menunjukkan produk TQRF yang dihasilkan di Institut Biosains, UPM.

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.
(Noor Eszereen Juferi 03-89466013)**